



Ruj Tuan :

Ruj Kami : JP.PTK 207/KIE(E)14/3 (39)

Tarikh : 14 Mei 2018

SEMUA PENGEKSPORT PRODUK-PRODUK PERTANIAN

Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN DAN TINDAKAN KE ATAS SYARIKAT YANG MENERIMA NOTIFIKASI DARI PIHAK NEGARA PENGIMPOR

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa jumlah notifikasi pintasan perosak yang diterima daripada negara-negara pengimport semakin meningkat walaupun usaha penambahbaikan dan tindakan ke atas syarikat yang menerima notifikasi telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Peningkatan jumlah notifikasi ini menjejaskan imej negara dan boleh menyebabkan tindakan yang tegas diambil terhadap eksport negara. Bagi menangani isu ini Jabatan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Syarikat yang menerima notifikasi akan dikenakan amaran seperti berikut:
 - a. Amaran pertama – dikeluarkan apabila syarikat menerima notifikasi. Amaran ini akan kekal bagi sepuluh (10) konsainan yang dibuat oleh syarikat. Sekiranya dalam tempoh 10 konsainan tersebut syarikat menerima notifikasi, amaran kedua akan dikenakan kepada syarikat.
 - b. Amaran kedua – dikeluarkan apabila syarikat menerima notifikasi dalam tempoh amaran pertama. Amaran kedua akan kekal bagi dua puluh (20) konsainan yang dibuat oleh syarikat. Sekiranya dalam tempoh 20 konsainan tersebut syarikat menerima notifikasi, syarikat akan dikenakan tindakan penggantungan.
- ii. Penggantungan pengeluaran Sijil Fitosanitasi (SF) akan dikenakan kepada syarikat yang menerima notifikasi dalam tempoh amaran kedua. Penggantungan ini akan dikenakan selama tempoh sebulan dan akan dikenakan terhadap premis, syarikat dan pengusaha yang dikenakan notifikasi dan bukannya hanya kepada komoditi yang dikenakan notifikasi. Didalam tempoh ini syarikat perlu melakukan penambahbaikan kepada amalan pengurusan dan premis syarikat bagi menjamin produk syarikat bebas daripada perosak dan penyakit.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



- iii. Bagi komoditi-komoditi tertentu, syarikat perlu mendaftarkan ladang sumber bekalan komoditi tersebut dan perlu disahkan oleh pihak Jabatan. Arahan pendaftaran komoditi-komoditi tersebut akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan dari masa ke semasa. Syarikat perlu menyertakan surat pendaftaran ladang dan salinan invoice pembelian komoditi tersebut semasa permohonan SF. Sekiranya syarikat tidak dapat menyediakan dokumen-dokumen tersebut, maklumat tempat asalan (Place of origin) di dalam SF akan dinyatakan sebagai negara asal komoditi tersebut dan bukannya Peninsular Malaysia.
 - iv. Bagi komoditi-komoditi berisiko tinggi dan sering mendapat notifikasi seperti selasih (basil), sampel komoditi akan diambil dan pemeriksaan akan dibuat di makmal oleh Pegawai Jabatan. SF hanya akan dikeluarkan setelah keputusan pemeriksaan diperolehi. Pengeluaran SF akan dibuat dalam tempoh dua hari dari tarikh pemeriksaan dan tidak semestinya pada hari yang sama.
3. Langkah-langkah kawalan dan penambahbaikan ini perlu dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan laluan pasaran sedia ada dan memberikan imej yang baik kepada negara bagi memudahkan rundingan-rundingan untuk membuka laluan pasaran yang baru pada masa akan datang. Arahan ini akan berkuatkuasa dalam tempoh **sebulan daripada tarikh surat ini**.
4. Diharapkan semua pihak dapat memberi perhatian dan meningkatkan usaha bagi memastikan komoditi yang dieksport berkualiti dan bebas daripada penyakit dan perosak. Kerjasama daripada pihak tuan/ puan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

”ANDA KAMI UTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMIL BIN MOHD YUNUS)

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

b.p.: Ketua Pengarah

Jabatan Pertanian

s.k.

1. Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian
2. Pegawai Pertanian K/U
Unit Biosekuriti Tumbuhan Negeri